



**TEKS UCAPAN OLEH**  
**YANG BERHORMAT ADLY BIN ZAHARI**  
**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**  
**SEMPENA MAJLIS PECAH TANAH TEPIAN TEKPI**

**6 JULAI 2023, KHAMIS**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- **YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Bin Haji Buang TUDM**  
Panglima Angkatan Tentera
- **YBhg. Datuk Dr. Shahrazat Binti Haji Ahmad,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Merangkap Pemanku  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan
- **YBhg. Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Bi Hj Zainal (Bersara)**  
Pengerusi Perbadanan Perwira Niaga Malaysia
- **YM Jeneral Tan Sri Raja Affendi Bin Raja Mohamad (Bersara)**  
Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- **Panglima-Panglima Perkhidmatan dan TKSU-TKSU Kementerian**  
**Pertahanan**

Tan Sri, Dato'-Dato', Dif-Dif Jemputan, Sidang Hadirin, Pengamal Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam Malaysia Madani**

1. Pertama sekali, marilah kita bersama-sama menzahirkan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinNya kita dapat berkumpul di majlis yang penuh gilang gemilang pada hari ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Bin Hj Zainal (Bersara), pihak pengurusan serta seluruh warga Perwira Niaga Malaysia atau PERNAMA, kerana mengundang saya ke majlis pada petang ini.
2. Sebagaimana yang kita sedia maklum, PERNAMA merupakan anak syarikat milik penuh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dan telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan peruncitan kepada warga Angkatan Tentera Malaysia serta keluarga, veteran ATM dan pelanggan-pelanggan lain khususnya yang menetap di dalam kem-kem tentera.
3. Saya amat berbesar hati kerana berkesempatan untuk hadir ke majlis pada petang ini. PERNAMA merupakan sebuah perbadanan peruncitan yang telah diamanahkan kepada saya bagi memastikan ia terus berperanan selaras dengan objektif penubuhannya iaitu untuk memelihara kebijakan dan kesejahteraan warga ATM di seluruh negara.

**Para Hadirin Sekalian,**

4. Selangkah ke hadapan, hari ini PERNAMA tampil untuk menzahirkan satu lagi projek **tepiantekpi** di atas **tanahberkeluasan 2.49 ekar** melalui pajakan selama 30 tahun dengan kadar RM436 ribu setahun. Bangunan ini merupakan sebuah kompleks PERNAMA bercirikan reka bentuk kontemporari dan moden, menawarkan pelbagai fasilitasi antaranya, pasaraya, restoren pandu lalu, anjung selera, **ruang**

perniagaan termasuk kepada usahawan veteran ATM, dewan serbaguna, 84 bilik hotel, dan ruang pejabat, untuk manfaat warga pertahanan yang berkhidmat di Lembah Kelang.

5. Berdasarkan lokasinya yang strategik serta berhampiran dengan Wisma Pertahanan, ianya bakal menjadi sebahagian daripada mercu tanda dan kebanggan warga pertahanan. Projek ini bakal menyaksikan sebuah bangunan PERNAMA yang setanding dengan pusat membeli belah di luar sana.
6. Kos pembangunan Tepian Tekpi ini adalah sebanyak **RM75 juta** merupakan satu pelaburan yang agak tinggi oleh PERNAMA. Namun tidak dinafikan pelaburan ini amat penting kepada PERNAMA, dalam usaha dan tanggungjawabnya untuk memberi keselesaan dan meningkatkan lagi taraf kualiti hidup warga ATM.
7. Insyaallah kerja-kerja pembinaan ini akan dimulakan pada bulan Disember 2023 atau awal Januari 2024 setelah mendapat kelulusan penuh daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sama-samalah kita doakan.

**Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,**

8. Kementerian sentiasa ingin memastikan PERNAMA akan terus melakukan penambahbaikan perkhidmatannya selaras dengan teras Malaysia Madani iaitu, kemampunan, kesejahteraan dan kelestarian ekonomi, sosial dan kebajikan anggota tentera serta keluarga mereka. Melalui PERNAMA, keperluan asas dengan harga setara lagi terkawal khususnya bagi yang berada di pangkalan atau kem akan terus terjamin. Justeru, PERNAMA sentiasa menawarkan pelbagai promosi seperti:

- ✓ **Promosi Rendah Sepanjang Masa (RSM)**
- ✓ **Promosi Jom Rabu iaitu pada setiap hari rabu**
- ✓ **Promosi Mai Beli Pada Setiap Hujung Bulan.**

9. Selain daripada itu, sebagai tanggungjawab sosialnya, pihak PERNAMA juga telah menaja aktiviti kebajikan warga ATM antaranya, senggaraan kenderaan klinik pergigian bergerak, kecemerlangan akademik anak-anak yang diselaraskan dengan Jabatan Arah Pendidikan ATM, keagamaan, sukan serta aktiviti di peringkat pasukan dan formasi selain sumbangan tahunan kepada LTAT bagi tujuan bayaran dividen.
10. Tidak dilupakan juga komuniti veteran ATM, PERNAMA telah melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya saing melalui program latihan keusahawanan dengan syarikat-syarikat seperti 7-eleven dan BhP. Sehingga kini, **1,646 orang** veteran telah mengikuti kursus peruncitan ini.
11. Segala insiatif yang dilakukan oleh PERNAMA tidak lain adalah untuk membantu kerajaan Madani memelihara kebajikan dan kesejahteraan warga tentera. Mendepani pasca COVID-19 dan cabaran persekitaran ekonomi, kita mahu semua pihak menitikberatkan aspek ihsan dan pemberdayaan manusia dalam usaha untuk terus mempertingkatkan kualiti hidup warga tentera dan keluarga.

**Hadirin Dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,**

12. Tanggal 7 Julai 2023 merupakan satu tarikh yang istimewa, kerana PERNAMA bakal menyambut **ulang tahunnya yang ke 40**. Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Tan Sri Pengerusi dan seluruh kepimpinan serta warga PERNAMA.

13. Menggarap **40 tahun penubuhannya**, Kementerian amat berbangga dengan pencapaian PERNAMA. Saya yakin PERNAMA akan terus berusaha menambahbaikkan perkhidmatan terutamanya dalam menguruskan kompleks perniagaan serta lamaniaga, meneroka produk-produk baru yang relevan dengan kehendak pengguna terutamanya yang berasaskan pasaran digital serta memperluaskan kemudahan berbelanja kepada warga dan veteran ATM. Saya juga dimaklumkan bahawa **kemudahan di PERNAMA telah diperluaskan kepada kakitangan awam** Kementerian Pertahanan. Syabas dan terima kasih PERNAMA.

**HADIRIN DAN HADIRAT SEKELIAN YANG DIHORMATI,**

14. Kejayaan ini sudah tentu terhasil dari kepimpinan dan pengurusan organisasinya yang mantap serta tadbir urus yang cemerlang. Untuk itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Penggerusi serta seluruh warga kerja PERNAMA di atas segala usaha, komitmen dan dedikasi dalam melakar kejayaan yang digarap selama ini.
15. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya supaya majlis pada hari ini akan terus menjadi pemangkin kepada peningkatan dan kejayaan PERNAMA pada masa hadapan.

**DENGAN DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA  
DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PECAH TANAH TEPIAN TEKPI  
DENGAN RASMINYA**

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima kasih.